



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN

LAMPIRAN G

GARIS PANDUAN PENYERTAAN KATEGORI *QUALITY LEAP LOUNGE* (QLL)

SYARAT-SYARAT UMUM

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua negeri/program/institusi/universiti/sektor kesihatan swasta di Malaysia.
2. Setiap penyertaan tidak akan dihakimi atau dipertandingkan.
3. Kelayakan projek untuk menyertai *Quality Leap Lounge* (QLL) adalah berdasarkan kriteria berikut:
 - 3.1 Ia merupakan projek penambahbaikan kualiti yang menggunakan pendekatan **QA/QI**.
 - 3.2 Projek boleh berada pada **mana-mana fasa pelaksanaan** sama ada telah tamat, peringkat mengenalpasti masalah, pengumpulan data dan sebagainya.
 - 3.3 Terbuka kepada projek kualiti baharu, atau yang pernah dibentangkan dalam mana-mana konvensyen/seminar/pertandingan di peringkat kebangsaan/antarabangsa atau projek yang tidak melepasi proses saringan untuk bertanding dalam Konvensyen QA Kebangsaan 2026.
4. Bahan projek (abstrak dan e-poster) boleh disediakan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
5. Tiada had dari segi bilangan pencalonan untuk kategori ini.

LANGKAH-LANGKAH PENCALONAN

6. Langkah-langkah untuk penyertaan projek (Rajah 1):
 - 6.1 Daftar projek melalui laman sesawang rasmi Konvensyen QA Kebangsaan 2026: <https://qaconvention.nih.gov.my> bermula **1 Mac 2026 hingga 22 Mei 2026**. Pendaftaran selepas 22 Mei 2026 akan ditolak.
 - 6.2 Muat turun borang persetujuan (Lampiran A) dan sediakan abstrak mengikut format QA/QI (Lampiran E1/E2) dengan had maksimum 300 patah perkataan.
 - 6.3 Lengkapkan borang persetujuan dan abstrak mengikut templat.
 - 6.4 Nyatakan pilihan sama ada berminat untuk sesi *Quick Pitch* (rujuk item 14) ataupun tidak.
 - 6.5 Muat naik borang persetujuan dan abstrak ke <https://qaconvention.nih.gov.my> sebelum atau pada **22 Mei 2026**.

SARINGAN DAN PEMILIHAN PROJEK

7. Pihak urus setia akan membuat saringan bagi semua pencalonan yang diterima.
8. Pencalonan yang terpilih akan dimaklumkan bermula **15 Jun 2026**.
9. Abstrak yang terpilih akan melalui proses semakan antara Jun dan Julai 2026. Pihak penulis perlulah memberikan kerjasama penuh dalam proses penambahbaikan abstrak.

PROSES LANJUT BAGI PROJEK YANG TERPILIH

10. Muat naik **e-poster yang muktamad** dalam format PDF (.pdf) ke <https://qaconvention.nih.gov.my> sebelum atau pada **11 Ogos 2026**. Sebarang perubahan adalah tidak dibenarkan selepas tarikh yang ditetapkan.
11. Rujuk Rajah 2 di bawah untuk panduan penyediaan e-poster. Kriteria penyediaan e-poster adalah seperti berikut:
 - 11.1 Perlu disediakan atas satu halaman sahaja, dalam *portrait layout*, dengan ukuran yang akan dimaklumkan kepada calon yang berjaya.
 - 11.2 Paparkan nombor giliran e-poster pada bahagian atas kiri e-poster.
 - 11.3 Kandungan e-poster mengikut elemen-elemen seperti format abstrak QA/QI (rujuk Rajah 2)
 - 11.4 Nyatakan nama, tarikh dan tempat konvensyen di bahagian bawah e-poster.
 - 11.5 Format fail yang dibenarkan ialah format PDF (.pdf). Animasi, bunyi ataupun video adalah tidak dibenarkan.
 - 11.6 Saiz fail e-poster tidak melebihi 15MB dan saiz huruf minimum 8.

PEMBENTANGAN SEMASA HARI KONVENSYEN

12. Semua e-poster akan ditayangkan secara digital bermula hari pertama konvensyen sehingga akhir. Semua e-poster juga akan dimuatnaik dalam laman sesawang <https://qaconvention.nih.gov.my> untuk diakses secara atas talian.
13. Tayangan e-poster QLL tidak memerlukan pembentang untuk hadir ke konvensyen kecuali bagi pembentang yang terlibat dalam sesi *Quick Pitch*.
14. Sesi *Quick Pitch*:
 - 14.1 Terhad kepada 30 e-poster QLL yang berminat.
 - 14.2 Peserta boleh membuat pilihan untuk menyertai sesi ini semasa proses pencalonan.
 - 14.3 Peserta yang terpilih akan dimaklumkan bermula **15 Jun 2026** dan satu taklimat maya akan diadakan pada **13 Ogos 2026**.
 - 14.4 Peserta perlu bersedia di kawasan *digital board* dan masa 3 minit diperuntukkan untuk perkongsian e-poster (*Quick Pitch*) masing-masing dan 5 minit bagi sesi soal jawab oleh penonton.

HAK MILIK BAHAN PEMBENTANGAN

15. Abstrak dan e-poster yang dihantar untuk penyertaan konvensyen ini akan menjadi hak milik pihak penganjur dan boleh digunapakai untuk tujuan latihan atau perkongsian dalam mana-mana platform.
16. Penghantaran projek untuk penyertaan dalam konvensyen ini bermaksud semua penulis bersetuju dengan syarat ini.

PERTANYAAN LANJUT

17. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak penganjur melalui e-mel ataupun nombor telefon:

Penyertaan Kategori *Quality Leap Lounge (QLL)*

Pn Roslina Supadi

(qasecretariat@moh.gov.my)

Tel: 03-33628552



Rajah 1: Carta alir pencalonan projek (kategori *Quality Leap Lounge* (QLL)) untuk Konvensyen QA Kebangsaan Kali ke-13 2026

No. giliran poster	Tajuk projek Penulis Afiliasi penulis	Logo institusi
1. e-Poster boleh disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris 2. Gaya penulisan adalah mengikut format QA/QI seperti dibawah: i. Pemilihan Peluang untuk Penambahbaikan ii. Pengukuran Utama Penambahbaikan iii. Proses Pengumpulan Maklumat iv. Analisis dan Interpretasi v. Strategi Penambahbaikan vi. Kesan Penambahbaikan vii. Langkah Seterusnya 3. e-Poster hendaklah disediakan dengan mematuhi format berikut: a. Disediakan atas satu halaman sahaja dalam <i>portrait layout</i> b. Menggunakan jenis huruf yang mudah dibaca seperti Arial, Times New Roman dan lain-lain c. Saiz huruf minimal 8		
Penghargaan / Rujukan mengikut kesesuaian		
e-Poster ini dibentangkan di Konvensyen QA Kebangsaan Kali ke-13, 1-3 September 2026, Kuala Lumpur		

Rajah 2: Template e-poster mengikut format yang ditetapkan. Ukuran akhir poster QLL akan dimaklumkan kemudian kepada peserta yang berjaya.